

PEKELILING PELABUHAN PORT CIRCULAR



JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
Pejabat Laut Wilayah Persekutuan Labuan,
Peti Surat 81005, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan.

Telefon : +6 087 – 413 511 Emel : pilwplbn@marine.gov.my
Faks : +6 087 – 413 515 Laman Web : www.marine.gov.my



MS ISO 9001

Approval Cert. No : 403591 A
Approval Cert. No : 403591 C
Approval Cert. No : 403591 D

NO. 9 / 2006

PERATURAN-PERATURAN BAGI JETI-JETI DIBAWAH KAWALSELIAAN RULES FOR JETTIES UNDER JURISDICTION AND CONTROL OF JABATAN LAUT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN FEDERAL TERRITORY OF LABUAN MARINE DEPARTMENT

Daripada : Pegawai Pelabuhan
From : *Port Officer*
Kepada : Masyarakat Perkapalan/Pengguna-Pengguna Pelabuhan
To : *Shipping Community/ Ports User*
Tarikh : 6^{hb} April 2006
Date : *6th April 2006*

Dimaklumkan bahawa bagi melicinkan urusan pengoperasian kapal-kapal di Dermaga Merdeka Baru dan Jeti *Barter Trade* Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan serta mengikut peraturan-peraturan di bawah kehendak Ordinan Perkapalan Saudagar (Port, Pelabuhan dan Bayaran) Peraturan 1961 dan Ordinan Perkapalan Saudagar (Dermaga-Dermaga Kerajaan) Peraturan 1961, berikut adalah peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi:

1. Pas Masuk

Pengguna-pengguna pelabuhan, kenderaan atau sesiapa sahaja yang ingin berurusan di jeti-jeti di bawah kawalseliaan Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan (JLWPL) hendaklah memohon Pas Masuk.

Hanya pemegang Pas yang sah sahaja akan diberi kebenaran untuk menjalankan aktiviti di jeti-jeti JLWPL.

Pemohonan Pas Masuk boleh dilakukan dengan menggunakan Borang DMB/B03/06 dan tiada bayaran dikenakan.

2. Tanggungjawab ke atas kargo

JLWPL tidak bertanggungjawab ke atas kerja-kerja yang berkaitan dengan pemunggahan dan pengangkutan kargo sama ada dari kapal ke darat atau darat ke kapal. Pihak pengguna pelabuhan hendaklah menguruskan sendiri dengan syarikat-syarikat yang telah berdaftar dengan JLWPL.

Kindly be advised that in order to facilitate vessel operational matters at New Liberty Wharf and Barter Trade Jetty of Federal Territory Of Labuan Marine Department, as well as pursuant to Regulation prescribed in accordance to The Merchant Shipping Ordinance (Ports, Harbours and Dues) Regulation 1961 and Merchant Shipping Ordinance (Government Wharves) Regulation 1961, The following rules must be adhered to:

1. Entry Pass

Port Users, Vehicles and whosoever intending to conduct any transactions within the jetties under the jurisdiction of Federal Territory Labuan Marine Department (FTLMD) shall apply for an entry pass.

An only valid holder of entry pass is given permission to carry out activities within the FTLMD jetties.

Application for Entry Pass can be made by utilizing Form DMB/B03/06 and no fees are charged.

2. Responsibility of cargo

FTLMD shall not be held responsible or liable for works in relation to offloading and transportation of cargo either from ashore to vessel or vice versa. Port Users shall make own arrangements with FTLMD registered companies for their further needs.

3. Pendaftaran Perkhidmatan Syarikat

Bagi memudahkan kawalseliaan ke atas syarikat yang menjalankan aktiviti pemunggahan dan pengangkutan kargo, syarikat-syarikat tersebut hendaklah mengemukakan permohonan kepada JLWPL untuk didaftarkan. Syarikat yang sah pendaftarannya sahaja yang akan dibenarkan beroperasi.

Permohonan pendaftaran perkhidmatan syarikat boleh dilakukan dengan menggunakan Borang DMB/B03/06 dan tiada bayaran dikenakan.

4. Caj/tarif Dermaga (*Wharf*)

Semua caj/tariff adalah berdasarkan kepada kadar yang telah diperuntukkan di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar (Port, Pelabuhan dan Bayaran) Peraturan 1961 dan Ordinan Perkapalan Saudagar (Dermaga-Dermaga Kerajaan) Peraturan 1961 dan apa-apa pindaan yang berkaitan atau Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. JLWPL tidak mengiktiraf atau terikat dengan mana-mana caj/tariff yang dikeluarkan oleh mana-mana badan atau individu.

5. Perapatan kapal

Nakhoda kapal atau agen hendaklah mengemukakan permohonan perapatan kapal dengan menggunakan borang DMB/B02/06. Borang yang lengkap diisi hendak diserahkan kepada JLWPL untuk kelulusan. Kapal-kapal yang telah diberi kelulusan oleh JLWPL sahaja akan dibenarkan merapat ke jeti.

6. Senarai Kru

Nakhoda kapal hendaklah mengemukakan senarai kru kapal yang terkini dan lengkap kepada JLWPL. Nakhoda atau pemilik adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan kapal-kapal yang menggunakan jeti Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan.

7. Jadual Menjalankan kerja

Pemilik, nakhoda atau agen kapal hendaklah memaklumkan kepada JLWPL secara bertulis jadual memunggah atau mengangkut kargo dari kapal ke darat atau sebaliknya sebelum menjalankan kerja.

Bagi tujuan menjalankan kerja-kerja lebih masa Pemilik, Nakhoda atau agen kapal hendaklah memohon dengan menggunakan borang DMB/B01/06.

3. *Registration of Company Services*

To facilitate supervision on companies which carry out stevedoring and cargo transportation, all related companies intending to provide such services is required to forward and application to FTLMD. Only registered companies shall be allowed to operate.

Company Services registration can only be done using Form DMB/B03/06. No fees shall be charged.

4. *Wharves Charges/ Tariff*

All charges or tariffs is based upon the rates which have been stipulated in the Merchant Shipping Ordinance (Ports, Harbours and Dues) Regulation 1961 and the Merchant Shipping Ordinance (Government Wharves) Regulation 1961 as well as amended or the Merchant Shipping Ordinance 1952. FTLMD does not recognise nor obligated with any charges or tariffs imposed by any body or individuals.

5. *Vessel Alongside*

Masters of Vessels or agents will have to submit an application to alongside a vessel by utilizing Form DMB/B02/06. Completed Forms have to be returned to FTLMD for prior approval. Only vessels which have been approved by FTLMD are permitted to come alongside the jetties.

6. *Crew List*

Ship Master shall submit a latest and current crew list to FTLMD. Masters or Owners are fully responsible for all vessel safety whilst using the Federal Territory of Labuan Marine Department's jetties or facilities.

7. *Schedule Of Works*

Owners, Masters or Shipping Agents shall notify to FTLMD in writing of stevedoring, transportation schedules from ashore to vessels or vice versa prior to commencing of works.

For the purpose of carrying out overtime Owners, Masters or Shipping Agents shall apply for such using Form DMB/B01/06.

8. Tanggungjawab Pemilik dan Nakhoda kapal

Apa-apa juga barangan termasuk kargo yang diturunkan dari sesebuah kapal yang sedang merapat di jeti adalah menjadi tanggungjawab nakhoda. Nakhoda hendaklah mengurus bagi mengalih semua barangan tersebut sepenuhnya daripada jeti. Pelepasan belayar hanya akan dikeluarkan apabila kerja-kerja tersebut telah memenuhi kehendak Pegawai Pelabuhan. Sebarang kos yang melibatkan kerja-kerja tambahan yang terpaksa dilakukan disebabkan kendalian barangan atau kargo tersebut hendaklah ditanggung oleh Pemilik dan Nakhoda kapal.

9. Keperluan untuk memindahkan kapal.

Seseorang yang bertanggungjawab ke atas sesebuah kapal hendak mematuhi arahan Pegawai Pelabuhan sekiranya ia mengarah kapal berkenaan untuk berlabuh atau merapat ke jeti atau menghendaki kapal berkenaan berpindah ketempat lain di dalam atau di luar pelabuhan. Nakhoda kapal berkenaan hendaklah mematuhi arahan tersebut dengan kadar segera.

Kapal-kapal yang telah selesai memuat atau memunggah kargo atau sedang menunggu kargo atau apa-apa sebab lain yang munasabah hendaklah meninggalkan jeti sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Pelabuhan.

10. Tanggungan kehilangan atau kerosakan

Apa-apa juga keadaan yang melibatkan kehilangan atau kerosakan bagi apa-apa barangan kargo, kenderaan atau peralatan, atau kecederaan mana-mana pekerja di kawasan dermaga adalah menjadi tanggungjawab Nakhoda, pemilik dan agen kapal.

Borang-borang permohonan yang berkaitan boleh diperolehi secara **percuma** di tempat-tempat seperti berikut:-

- i. Tingkat 1, Bhg. Hal Ehwal Pelaut & Pelabuhan, Pejabat Laut W.P Labuan;
- ii. Pondok Keselamatan, Pejabat Laut W.P Labuan, Demaga Merdeka Baru; dan
- iii. Pejabat Operasi, Jeti Barter Trade, Pejabat Laut W.P Labuan.

Notis ini berkuatkuasa pada 20 April 2006

8. Responsibilities of Owners and Ship Masters

Any items inclusive of cargo which have been offloaded from vessels whilst alongside FTLMD jetties shall be the responsibility of ship's masters. Masters shall manage the offloading of all cargoes from the said jetties. Port Clearances shall only be granted once the Port Officer is fully satisfied with the compliance of this requirement. Any cost arising from such removal of cargoes or items remaining in the jetty shall be borne by the Owner or Ship's Master.

9. Requirement to Relocate Vessels.

Any person or persons responsible for a vessel shall comply with the Port Officer's directive should the need arises to anchor, alongside a jetty or transfer to a designated location within or outside a port limit shall do so immediately upon receiving such order from the Port Officer.

Vessels which have completed cargo operations, awaiting cargo or for any other reasonable reasons shall immediately leave the jetty if required to do so upon directive of the Port Officer.

10. Liability For Damage Or Loss

Any conditions whatsoever involving loss or damage for any cargo, vehicles or equipment or injury to any worker within the wharf shall be the sole responsibility of Ship's Master, Owner or Shipping Agent.

*Related Application forms may be obtained **free** of charge at the following locations:-*

- i. 1st. Floor, Seafarers & Port Division, Federal Territory Of Labuan Marine Department*
- ii. Security Post, Federal Territory Of Labuan Marine Department, New Liberty Wharf and*
- iii. Operations Office, Barter Trade Jetty, Federal Territory Of Labuan Marine Department.*

This Notice comes into force on the 20th of April 2006

**(ABDUL AZIZ BIN MUHAMUD)
PEGAWAI PELABUHAN
PORT OFFICER**